

'Kerja keras tingkat momentum ekonomi'

PM mahu semua pihak mampu ^{BH- 4/4/2007}urus kejayaan mapan

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mahu semua pihak bekerja keras bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi negara yang dicapai sekarang terus meningkat.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, agensi yang terbabit dengan pengurusan ekonomi negara, khususnya Kementerian Kewangan (MOF), perlu mengambil langkah bijak untuk terus merangsang pertumbuhan itu.

"Kita perlu pastikan momentum itu mara dengan kelajuan setimpal dengan segala perubahan positif yang kita lihat," katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan MOF di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Husin dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Dr Wan Abd Aziz Wan Abdullah.

Abdullah berkata, keadaan ekonomi negara ketika ini lebih baik berbanding dulu dan hakikat itu diakui banyak pihak yang turut menyatakan penghargaan dan tahniah kepada kerajaan.

Malah, katanya, golongan tertentu yang sebelum ini mengkritik dan mempersoalkan pencapaian ekonomi negara juga dapat melihat per-

ubahan itu.

"Pada hari ini, anda melihat perubahan sedang berlaku hasil daripada usaha yang kita mulakan sekian lama," katanya.

Walaupun yakin ekonomi negara akan terus berkembang, Abdullah mengakui masih ada masalah perlu ditangani dan kelemahan yang mesti diatasi bagi mencapai memastikan momentumnya terus meningkat.

Katanya, perkara luar jangka seperti bencana alam dan pergolakan politik dunia pula menuntut semua pihak bekerja lebih kuat, terutama bagi mempertahankan kepentingan negara pada peringkat antarabangsa.

“Golongan tertentu yang sebelum ini mengkritik dan mempersoalkan pencapaian ekonomi negara juga dapat melihat perubahan itu”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

"Kita tidak mengatakan segalanya sempurna, kita akui ada (yang perlu diperbaiki), tetapi apa yang penting ialah memastikan momentum itu terus bergerak ke hadapan," katanya.

Abdullah juga mengingatkan kejayaan dicapai negara selama ini perlu diurus dengan baik supaya rakyat dapat menikmatinya secara berterusan.

Katanya, segala perbelanjaan negara juga mesti dibuat secara berhemah supaya defisit negara terus menurun ketika pertumbuhan ekonomi dirangsang.

"Kita bersyukur di atas kejayaan kita perolehi, tetapi saya ingin tegaskan bahawa kita mesti mampu mengurus kejayaan. Kita mahu kejayaan itu mapan, bukan dirasai seperti pintas lalu, selepas itu meleset balik," katanya.

Pada masa sama, Abdullah menegaskan sektor swasta perlu terus dinamik dan komited dalam membangunkan ekonomi negara.

Katanya, sektor swasta juga perlu bekerja sama dengan agensi kerajaan kerana mereka turut terbabit dalam membuat keputusan besar pada peringkat dasar.

"Sektor swasta mengharapkan dinamisme sektor awam, tetapi kita juga mengharapkan dinamisme sektor swasta. Hanya apabila kedua-dua dinamik dan komited mencapai kejayaan lebih besar, barulah kita me-

lihat kejayaan lebih baik," katanya.

Pada masa sama, Abdullah yakin pengalaman Dr Wan Abd Aziz membantu beliau menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ketua Setiausaha (KSU) Perbendaharaan dengan baik.

Bercakap pada perhimpunan bulanan kementerian itu, Abdullah berkata, bukan perkara mudah untuk sampai kepada kedudukan itu kerana ia memerlukan pengalaman luas dan kebolehan mantap penjawatnya.

"Saya percaya pengalaman akan membantu beliau menjalankan tugas dan tanggungjawabnya," katanya.

Wan Abd Aziz yang sebelum ini Timbalan KSU Perbendaharaan (Dasar) dilantik menggantikan Tan Sri Izzuddin Dali sebagai KSU mulai akhir Februari lalu.

Sebelum memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOF mulai 1 November 2005, Wan Abd Aziz adalah Timbalan Ketua Pengarah (Makro) Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dari 2004 hingga 2005.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Ekonomi (Makro) Kementerian Kewangan dari 2001 hingga 2003 dan bertugas di pejabat Pengarah Eksekutif Asia Tenggara, Kumpulan Bank Dunia di Washington dari 1998 hingga 2000.